

## **KERTAS KERJA**

*Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2019*

### **DARIPADA : JABATAN PERANCANGAN BANDAR MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

#### **CADANGAN PROGRAM 'URBAN FARMING' DAN 'GARDEN COMMUNITY' DI CYBERJAYA DI BAWAH PROGRAM GTALCC DAN LOCAL AGENDA 21 MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA 'PRIVATE PARTNERSHIP' BERSAMA STAKEHOLDER DAN 'MULTINASIONAL COMPANY' DI CYBERJAYA**

---

#### **1.0 TUJUAN**

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat untuk cadangan Program 'Urban Farming' Dan 'Garden Community' Di Cyberjaya Di Bawah Program GTALCC (Green Technology Application Low Carbon Cities) Dan Local Agenda 21 Majlis Perbandaran Sepang Secara 'Private Partnership' Bersama Stakeholder Dan 'Multinasional Company' Di Cyberjaya.

#### **2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Program 'Urban Farming' ini adalah lanjutan daripada program MyOfficeMyFarm@Sepang yang telah diadakan pada 20 Disember 2017. Cadangan ini juga bertujuan untuk menjadikan program kebun ini sebagai model kebun bandar kepada warga majlis dan juga pihak luar yang berminat.
- 2.2 Program 'Urban Farming' pada kali ini adalah melalui inovasi teknologi kaedah 'Akuaponik', kaedah penanaman secara 'Vertical' menggunakan teknologi (IoT / Internet of Thing) merupakan salah satu cara pertanian bandar yang baru dan terbukti akan menjimatkan kegunaan air, tempat dan boleh menurunkan kadar penghasilan karbon dioksida dalam bandar melalui penyerapan oleh tumbuh-tumbuhan.
- 2.3 Konsep 'Urban Farming' ini adalah bagi meningkatkan jaminan keselamatan bekalan makanan (Food Security) dan kepelbagaian makanan (food variety) di dalam sesebuah bandar.
- 2.4 Sasaran utama program ini ialah kepada pihak 'stake holder' dan 'Multinational Company' di kawasan Cyberjaya khasnya dan kawasan sekitar Cyberjaya. Program ini akan diadakan secara 'Private Partnership' bagi menunjukkan peranan mereka di dalam usaha untuk menjadikan Cyberjaya sebagai satu kawasan perbandaran yang mengambil kira aspek pembangunan mampan.

### 3.0 **ASAS PERTIMBANGAN**

#### 3.1 **OBJEKTIF PROGRAM**

- a). Memperkenalkan konsep 'urban farming' sebagai salah satu elemen pembangunan mampan kepada pihak 'Stake Holder' dan 'Multinational Company' Cyberjaya supaya mereka dapat melibatkan diri dalam usaha menjadikan Cyberjaya sebagai satu kawasan perbandaran yang mampan.
- b). Memberi pengetahuan kepada pihak 'Stake Holder' dan 'Multinational Company' di Cyberjaya tentang kaedah tanaman secara Akuaponik supaya mereka boleh juga menerapkank aedah kebun akuaponik ini di kawasan pejabat-pejabat mereka. Secara tidak langsung juga, pekerja-pekerja mereka dapat menerapkan tentang pertanian bandar secara akuaponik dalam rumah sendiri untuk menghasilkan sayur-sayuran tanpa racun perosak.
- c). Memberi pendedahan kepada pihak 'Stake Holder' dan 'Multinational Company' di dalam Cyberjaya tentang potensi pertanian bandar melalui inovasi teknologi.
- d). Mewujudkan serta meningkatkan peranan dan hubungan sosial di antara komuniti Cyberjaya melalui program aktiviti pertanian bandar 'Urban Farming'.

#### 3.2 **PESERTA / KUMPULAN SASAR**

Cadangan program ini akan melibatkan seramai 48 pihak 'Stake Holder' dan 'Multinational Company' di yang beroperasi di dalam kawasan Cyberjaya. Bilangan pihak yang terlibat adalah berdasarkan kepada bilangan plot tanaman yang dicadangkan di dalam program 'Urban Farming' ini.

#### 3.3 **ORGANISASI PROJEK**

Cadangan program ini akan dilaksanakan secara kerjasama di antara agensi seperti berikut :

<b>PIHAK PENGURUSAN</b>	<b>FUNGSI</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
Majlis Perbandaran Sepang	Pemilik Projek	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebagai pemilik projek</li><li>• Penyediaan tapak 'urban farming'</li><li>• Memantau pelaksanaan program</li><li>• Menyelaras pelaksanaan di antara pihak yang terlibat.</li></ul>

PIHAK PENGURUSAN	FUNGSI	TANGGUNGJAWAB
MESTECC / SEDA Malaysia / GTALCC	Sokongan / Supporting	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantau pelaksanaan program</li> <li>• Menyelaras pelaksanaan di antara pihak yang terlibat.</li> <li>• Melihat secara khusus projek ini didalam komponen 3 GTALCC (Technology Investment)</li> </ul>
Cyberview Sdn. Bhd	Rakan Kongsi (Kerjasama)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi bantuan dari segi penyediaan tempat latihan dan pembelajaran bagi slot bengkel.</li> <li>• Membantu menyiarkan hebahan tentang program 'urban farming'</li> </ul>
Urban Farm Tech Sdn. Bhd	Rakan Kongsi (Pelaksana)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai tutor serta tenaga pengajar bagi memberikan pendedahan kepada pihak yang terlibat.</li> <li>• Penyediaan video 'Urban Farming' bagi tujuan promosi program.</li> <li>• Penyediaan risalah dan borang penyertaan bagi program 'Urban Farming'.</li> <li>• Menyelenggara Urban Farming untuk satu (1) tempoh yang dipersetujui bersama</li> </ul>
Multi Nasional Company / Stakeholder	Rakan Kongsi (Kerjasama)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rakan strategi dalam membantu membangunkan 'Urban Farming' di Cyberjaya</li> <li>• Memberikan sokongan dalam bentuk CSR (Kewangan, tenaga, pendidikan) dalam meningkatkan kesedaran dan kepentingan penghasilan makanan dip persekitaran pejabat.</li> </ul>

### 3.4 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Berikut merupakan tempoh pelaksanaan program 'Urban Farming' berkonsepkan Aquaponik.

Perancangan / Pelaksanaan	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
1. Penyediaan bahan promosi dan Borang Penyertaan						
2. Promosi dan edaran borang penyertaan						
3. Expert Talk (3 kali) kepada pihak berkepentingan						
4. Pembinaan projek Aquaponic						
5. Pelancaran program 'Urban Farming'						

### 3.5 IMPLIKASI KEWANGAN

- i. Cadangan program 'Urban Farming' dan 'Garden Community' ini tidak melibatkan sebarang kos kewangan kepada pihak MPSepang.
- ii. Cadangan supaya segala urusan pembayaran penyertaan sumbangan CSR projek ini menggunakan akaun Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Sepang
- iii. Kos pelaksanaan akan dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan CSR dan penyertaan daripada pihak 'Stakeholder' dan 'Multinational Company' seperti berikut :

PERKARA	JUMLAH (RM)
Penyertaan (Sumbangan CSR) bagi plot tanaman akuaponik : 48 plot tanaman x (RM3,125 / per sistem Aquaponic ) <b>Nota (Kos Termasuk)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan plot kebun akuaponik</li> <li>• Kontrak penyelenggaraan selama setahun termasuk khidmat pengajar (T&amp;T)</li> <li>• Majlis Pelancaran / Perasmian</li> </ul>	<b>150,000.00</b> (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)

**Nota :**

Projek ini dilihat dapat membantu Cyberjaya sebagai showcase yang pertama di peringkat PBT yang mengadaptasikan konsep Aquaponik. 'Showcase' ini juga akan dijadikan platform sebagai salah satu produk Tahun Melawat Sepang 2020 di bawah kerjasama Stakeholders dan Syarikat MNC / Komuniti di Cyberjaya.

### 3.6 CADANGAN LOKASI TAPAK PEROJEK URBAN FARMING

Cadangan lokasi 'Urban Farming' dan 'Garden Community' ini adalah bersebelahan dengan tapak 'MyOffice MyFarm' yang terletak bersebelahan dengan Kantin MPSepang. Perincian rekabentuk dan akan dibantu oleh Urban Farm Tech Sdn Bhd. MyFarm MyOffice sediada juga akan dinaik taraf dengan dengan pemasangan GreenHouse dan Laluan untuk pengunjung, penyelenggaraan dan sebagainya.

### 4.0 SYOR

Mesyuarat yang bersidang pada hari ini adalah dipohon mempertimbangkan syor-syor seperti berikut :

- a). Bersetuju terhadap cadangan penganjuran **Program 'Urban Farming' Dan 'Garden Community'** Di Cyberjaya Di Bawah Program GTALCC Dan Local Agenda 21 Majlis Perbandaran Sepang **Secara 'Private Partnership' Bersama Stakeholder Dan 'Multi Nasional Company' (MNC) Di Cyberjaya.**
- b). Bersetuju terhadap **Cadangan Organisasi Projek** seperti di para 3.3.
- c). Bersetuju terhadap **Tempoh Pelaksanaan Projek** seperti perincian di para 3.4.
- d). Bersetuju terhadap **implikasi kewangan** di para 3.5 di mana tiada implikasi kewangan kepada pihak MPSepang dan proses pembayaran akan menggunakan akaun Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Sepang.
- e). Bersetuju terhadap **Cadangan Lokasi 'Urban Farming'** sebagai showcase bagi projek GTALCC / UNDP dan Showcase produk sempena Tahun Melawat Sepang 2020 oleh PBT MPSepang di lokasi sedia ada MyOffice MyFarm (bersebelahan dengan Kantin MPSepang).
- f). Bersetuju melantik **syarikat Urban Farm Tech Sdn Bhd** iaitu peserta / syarikat yang terlibat di bawah program 'Cyberview Living Lab Accelerator' dengan dibantu pemantauan dan sokongan bersama Cyberview Sdn Bhd dan pihak MESTECC (GTALCC/UNDP) bagi melaksanakan showcase Urban Farming dan menyelenggara projek Aquaponic menggunakan IOT untuk tempoh setahun (1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020).

### 5.0 PENUTUP

Mesyuarat yang bermesyuarat pada hari ini dipohon untuk menimbang dan meluluskan syor di **para 4** seperti tersebut di atas.

## LAMPIRAN

***Cadangan Lokasi 'Showcase' Urban Farming & Garden Community Cyberjaya yang terletak bersebelahan dengan tapak Kebun Komuniti sedia (MyOffice MyFarm) bersebelahan Kantin MPSepang***

